

UMS meterai perjanjian dengan Swiss Paraplegic Research, Switzerland

UB 04.05.2023 P.07

NOTWILL (Switzerland): Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memeterai perjanjian kerjasama dengan Swiss Paraplegic Research (SPF) bagi menjalankan kajian penyelidikan tentang kecederaan saraf tunjang.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Pengarah SPF, Profesor Dr. Med. Gerald Stucki di sini, Selasa lepas.

Ia turut disaksikan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly dan Pengarah Urusan SPF, Mirjam Brach.

Menurut Dr. Kasim, penyelidikan itu memfokuskan kepada tahap penjagaan, kualiti hidup serta rehabilitasi para individu yang mempunyai kecederaan saraf tunjang.

“Ia adalah sebuah inisiatif daripada World Health Organisation (WHO) di mana Swiss Paraplegic Research yang merupakan sebuah institusi penyelidikan terkemuka di Eropah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelaksanaan kajian di



METERAI: Kasim (empat kanan) dan Gerald Stucki (empat kiri) mengambil gambar sejeurus menandatangani dokumen perjanjian kerjasama penyelidikan. Turut kelihatan ahli delegasi UMS dan pegawai pengurusan SPF.

peringkat antarabangsa.

“Kajian ini bakal dilaksanakan di 42 buah negara termasuklah Malaysia, yang mana di UMS penyelidikannya diketuai Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy selaku pakar perubatan rehabilitasi bersama beberapa lagi pakar perubatan dalam bidang yang sama di negara ini,”

jelasnya.

Ujar Dr. Kasim, perjanjian yang termeterai ini juga bakal melihat kerjasama pertukaran kepakaran di antara kedua-dua institusi bagi meningkatkan keterlihatan UMS ke arah menyokong usaha global dalam bidang penyelidikan kecederaan saraf tunjang.

Beliau berkata, antara ka-

jian yang telah dibincangkan termasuklah membangunkan sebuah pusat rehabilitasi desa bertempat di Beaufort, Sabah yang dapat dijadikan sebagai fasiliti untuk menjalankan penyelidikan rehabilitasi berdasarkan kecerdasan buatan (AI-assisted rehabilitation).

“Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk

mengoptimalkan kebolehpayaan mereka yang lumpuh dan kurang upaya agar dapat kembali bekerja dan menjalani hidup harian di dalam komuniti.

“Sesungguhnya, kajian ini sangat tepat pada masanya kerana dilihat seiring dengan keterampilan penyelidikan UMS yang menumpukan sumbangan universiti kepada komuniti menerusi pusat rehabilitasi desa sebagai sebuah living lab (makmal hidup).

“Dengan inspirasi UMS sebagai peneraju masyarakat berinovatif, saya yakin pusat ini boleh menjadi rujukan untuk membantu komuniti luar bandar yang mengalami masalah fizikal dan ketidakpayaan kerana kecederaan anggota badan untuk kembali bekerja.

“Secara tidak langsung, ini boleh membantu kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara serta mengurangkan bebanan kos kesihatan,” tambah Dr Kasim.

Para penyelidik Swiss Paraplegic Research dijangka hadir ke Sabah untuk tujuan penyelidikan pada awal tahun 2024.